From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 14 April, 2022 12:38:19 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jerayawara IPIZ-LZNK: Panduan Penyelidik Mohon Geran Bernilai RM480,000


UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 APRIL 2022 / 12 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Fatin Yusra Zainol Abidin
Gambar oleh: IPIZ

JERAYAWARA IPIZ-LZNK: PANDUAN PENYELIDIK MOHON GERAN BERNILAI RM480,000



UUM ONLINE: Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Program Jerayawara IPIZ-LZNK secara atas talian bagi menerangkan tentang syarat, tema dan peraturan permohonan geran IPIZ-LZNK bernilai RM480,000 kepada penyelidik UUM, baru-baru ini.

Pengarah IPIZ, Prof. Madya Dr. Selamah Maamor berkata, program itu merupakan amanah LZNK kepada IPIZ bagi memfokuskan kepada penyelidikan dan inovasi IPIZ dalam usaha merealisasikan Pelan Pembangunan Ekonomi Ummah.

“Program ini memerlukan sokongan semua pihak dan di IPIZ sendiri sudah pasti akan menghasilkan penyelidikan yang berkualiti bagi memastikan kelestarian program ini sehingga boleh mentransformasikan status asnaf kepada pembayar zakat, seterusnya meningkat taraf sosio-ekonomi ummah.

“Saya berharap dan mendoakan agar semua penyelidik UUM dipermudahkan urusan dan dapat menyediakan cadangan penyelidikan yang bersesuaian dan menepati tema serta memenuhi keperluan LZNK,” katanya yang turut memberikan taklimat berkaitan buku panduan permohonan geran IPIZ-LZNK dan penekanan berkaitan syarat dan tema bidang tujahan.

Program diteruskan dengan perkongsian oleh penceramah jemputan khas iaitu Prof. Dr. Zakaria Abas yang menerangkan tentang Pelan Pembangunan Ekonomi Ummah: Aplikasi Penyelidikan Strategi RTS. Program

Pelan Pembangunan Ekonomi Ummah itu merupakan cetusan idea beliau sendiri dan telah menampakkan hasil yang membanggakan.

Program Pelan Pembangunan Ekonomi Ummah telah dilaksanakan selama empat bulan bermula di Yan dan akan disusuli di Alor Setar dan sekitar daerah Kubang Pasu.

Turut hadir dalam sesi ini ialah wakil daripada LZNK, Dr. Hafizah Zainal; Timbalan Pengarah IPIZ, Dr. Azizah Othman dan warga penyelidik UUM.

Program ini telah dikendalikan oleh pelajar praktikum IPIZ sebagai pengalaman mereka dalam pengendalian program seumpamanya.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.